



MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ RISDA KALI KE-8

UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA**

DI DEWAN AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA
JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
4 OGOS 2009 (SELASA)
9.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd Shafie b. Haji Apdal
Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Y.Bhg.Dato'Abd.Jabar b. Che Nai
Ketua Setiausaha KKLW

Y.Bhg.Dato' Mohammad Izat Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Y.Bhg Ahli Lembaga Pengarah Kolej RISDA

Y.Bhg Ahli Lembaga Penasihat Akademik Kolej RISDA iaitu

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah
RISDA

Datin Dr. Faridah Hanam Mohd Rashid
Ketua Eksekutif Kolej RISDA

Dif-Dif Jemputan

Para Graduan , Ibu/bapa dan Hadirin Sekalian

3

**Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh serta
salam sejahtera,**

Bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana Rahmat dan keizinanNya dapat kita berkumpul meraikan Majlis Konvokesyen Kolej RISDA Kali Ke 8 pada hari ini.

Saya bagi pihak RISDA ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd Shafie b. Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah sebagai tetamu kehormat untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke 8 Kolej RISDA. Saya juga mengalu-alukan kehadiran

4

Yang Berbahagia Dato' Abd. Jabar bin Che Nai, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dif-dif jemputan, para graduan serta ibu bapa yang dikasihi sekalian.

Sektor pertanian telah memainkan peranan penting di dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Dalam tahun 2008, 7.32 % dari KDNK negara dan 13.8 % dari tenaga kerja disumbangkan oleh sektor pertanian. Objektif utama Dasar Pertanian Negara ke 3 (DPN3) adalah untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optima dalam sektor ini. Ia meliputi usaha memaksimumkan sumbangan sektor

5

pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan eksport serta pendapatan petani, penternak dan nelayan. Usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat ini memerlukan satu pendekatan pembangunan modal insan yang lebih menyeluruh di kalangan pengusaha-pengusaha dalam bidang pertanian itu sendiri. Menyedari hakikat ini, RISDA telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan masyarakat luar bandar khususnya pekebun kecil dalam industri getah dan sawit.

YB Dato' Seri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

6

Kepesatan ekonomi negara telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan yang lebih cenderung untuk terlibat dalam sector pembuatan dan perkhidmatan. Akibatnya sector pertanian terpaksa bergantung kepada tenaga kerja asing. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang sebenarnya menjadi punca kadar upah tidak meningkat. Untuk mencapai hasrat ini, kita perlu menyediakan tenaga kerja tempatan yang cekap, berlimu dan berkemahiran dalam bidang pertanian. Disini letaknya pembangunan modal insan yang perlu dilaksanakan untuk menyediakan tenaga kerja tempatan dalam pasaran.

Sebagai langkah membangunkan modal insan anak tempatan, RISDA melalui Kementerian telah menyahut seruan kerajaan yang ingin membangunkan masyarakat luar bandar melalui saluran pendidikan bagi membentuk dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang berjaya. Bukan setakat pelajaran Staf RISDA sahaja, malah pekebun kecil serta anak sentiasa ditingkatkan ilmu pengetahuan supaya dapat berdaya saing dan berdaya tahan dalam zaman globalisasi yang kian mencabar ini. Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya.

Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu di beri penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Selain daripada kursus non-formal yang dilaksanakan oleh RISDA di lapangan, RISDA juga melaksanakan kursus-kursus formal untuk pekebun kecil. Ini dilaksanakan dengan penubuhan **Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) di Perak, Pahang dan Kelantan, RISTEC di Port Dickson dan Kolej RISDA di Melaka.** Pada tahun 2009 ini, bagi latihan pekebun kecil, sejumlah **RM 5.2 juta** di peruntukkan bagi latihan di IKPK. Pada tahun ini setakat Jun 2009, sebanyak **256 kursus** telah dijalankan yang melibatkan

seramai 7,424 **orang** peserta. Selain daripada itu, sejumlah **RM 2.86 juta** disalurkan oleh KKLW kepada RISDA dibawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pelajar (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) untuk anak-anak pekebun kecil miskin. Sejumlah RM 400,000.00 lagi diperuntukkan di bawah Program Tuisyen Desa bagi tahun ini untuk memberi bimbingan kepada anak-anak pekebun kecil yang mengambil peperiksaan SPM di 40 Pusat Tuisyen Desa di seluruh negara.

Bagi meningkatkan kerjaya staf RISDA pula, RISDA juga memberi peluang kepada staf RISDA untuk meningkatkan pelajaran ke tahap Sarjana dan PhD dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh RISDA seperti Sains Tanah, Agronomi dan Pathology. Pegawai-pegawai Luar RISDA juga akan di beri peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma dalam bidang pertanian di Kolej RISDA.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

Kolej RISDA ditubuhkan khusus bagi merealisasikan cita-cita Kerajaan melalui KKLW untuk membangunkan masyarakat luar bandar bukan sahaja melalui pendekatan ekonomi, tetapi juga

11

melalui penawaran peluang-peluang pendidikan tinggi yang lebih luas dalam bidang akademik dan kemahiran kepada anak-anak pekebun kecil dan masyarakat luar bandar. Hasrat ini bertepatan dengan pernyataan objektif RISDA iaitu membantu masyarakat pekebun kecil untuk memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000.00 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2010.

Setiap tahun ramai pelajar lepasan SPM di luar Bandar tidak dapat meneruskan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi disebabkan keputusan SPM yang tidak begitu memuaskan untuk melayakkan mereka ke Menara Gading. Disinilah letaknya peranan Kolej

12

RISDA untuk memberi peluang kepada golongan pelajar ini supaya dapat meneruskan pelajaran sama ada di peringkat Diploma mahupun Sijil.

Setakat ini, Kolej RISDA telah melahirkan seramai 3,420 orang graduan dan dari segi impaknya, 60 % daripada graduan ini telah memperoleh pekerjaan manakala 40% telah melanjutkan pengajian mereka ketahap yang lebih tinggi.

Pada masa ini, Kolej RISDA mempunyai 1,300 orang pelajar dalam pelbagai bidang pengajian.

Ekoran daripada perubahan dan tuntutan pasaran semasa negara, Kolej RISDA kini menyahut seruan di dalam RMK9 yang memfokuskan kepada bidang pertanian malah kini ia merupakan sektor penting yang dianggap sebagai satu industri. Untuk makluman YB Menteri serta hadirin sekalian, Kolej RISDA merupakan satu-satunya IPTS yang menawarkan Diploma dalam bidang pertanian pada masa ini. Pengajian Diploma Pertanian diadakan secara usahasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kolej RISDA telah menyediakan kemudahan yang kondusif dan program yang terancang untuk mendedahkan serta menimbulkan minat pelajar di dalam bidang pertanian dan

perladangan. Selain daripada program Diploma Pertanian, Kolej RISDA telah menambah program baru seperti Diploma Pengurusan Ladang dan Diploma Pengurusan Landskap.

Selain daripada usahasama dengan UPM, Kolej RISDA juga melaksanakan pengajian usahasama dengan UITM dalam bidang Pengurusan Perladangan. Kolej RISDA juga menjalankan 2 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) itu ialah Sijil Konduktor Ladang dan Sijil Operator Pengeluaran (Kilang) Minyak Sawit yang mengambil masa selama 6 bulan bagi setiap tahap. Program kemahiran ini menepati keperluan sektor ladang masa kini yang memerlukan tenaga kerja. Program ini juga sebagai program alternatif kepada

pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik. Mereka masih mampu untuk memenuhi keperluan pekerjaan semasa.

Kolej RISDA memainkan peranan utama di dalam menerajui transformasi pertanian melalui pendidikan menerusi jalinan kerjasama dengan Institut Pertanian Bogor (IPB) dalam pelbagai aspek seperti pertukaran pelajar dan pensyarah, melanjutkan pelajaran dan pindahan kredit, perkongsian maklumat dalam menyediakan modul serta penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pengajian di Kolej RISDA. Program kerjasama ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dan

mendidik mereka kepada persekitaran yang berbeza. Sebagai permulaan, baru-baru ini Kolej RISDA telah menghantar seramai 4 orang pelajar ke IPB untuk menjalani latihan praktikum dalam bidang pertanian dan ternakan. Pendedahan pelajar dalam bidang ini merupakan nilai tambah kepada mereka untuk memasuki alam pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. InsyaAllah pada masa akan datang, Kolej RISDA akan mengadakan lebih program kerjasama seperti ini dengan negara-negara lain.

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia memerlukan satu Model Ekonomi yang baru yang boleh meningkatkan pendapatan rakyat di bawah ekonomi berpendapatan tinggi (*High Income Economy*). Di bawah model ini, penekanan di beri kepada aspek peningkatan inovasi dan kualiti sebagai langkah meningkatkan daya saing dan tidak semata-mata bergantung kepada pengurangan kos. Saya percaya, dalam konteks wawasan Negara, Kolej RISDA mampu berganding untuk berperanan proaktif merentasi bidang pendidikan dan latihan selari dengan dasar kerajaan untuk melahirkan masyarakat pertanian yang berilmu dan bermaklumat

dan mampu mengeluarkan produk yang berkualiti. RISDA berharap akan mendapat sokongan dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khususnya YB Menteri agar perancangan Kolej RISDA untuk menjadi sebuah Kolej Universiti akan menjadi kenyataan. Kolej RISDA dengan kekuatan lebih kurang 120 orang kakitangan akademik akan sentiasa peka dengan perkembangan di bidang akademik dan memastikan supaya segala usaha akan sentiasa fokus untuk menjadi satu Kolej yang terbaik.

19

Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat iaitu Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd.(ESPEK), RISDA Plantation Sdn. Bhd.(RPSB), Permodalan RISDA Berhad (PRB), RISDA Fleet Sdn. Bhd. (FLEET), Smallholders Development Sdn. Bhd.(SHDC), PROTAC Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PROTAC), Benaris Sdn. Bhd. (BENARIS), RISDA Semaian Dan Landskap Sdn. Bhd. (RSSB) dan RISDA Baja Sdn.Bhd. (BAJA) diatas sumbangan yang diberikan kepada para graduan bagi Anugerah Graduan terbaik Kolej RISDA bagi tahun 2009.

20

Disamping itu juga diatas rasa keprihatinan dan tanggungjawab, semua anak syarikat RISDA membantu membiayai pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian di Kolej RISDA dengan dimulai oleh Estet Pekebun Kecil Sdn. Bhd.(ESPEK) dan Permodalan RISDA Berhad (PRB) yang telah membiayai 40 orang pelajar pada tahun 2008 berjumlah RM1.02juta. RISDA juga di bawah Tabung Pembangunan Sosio-Ekonomi Pekebun Kecil (TPSEPK) ada menyediakan Biasiswa untuk anak-anak pekebun kecil yang belajar di Kolej RISDA. Pada tahun 2008, seramai 12 orang pelajar peringkat Diploma dengan peruntukan sejumlah RM341,184.00 telah diluluskan di bawah TPSEPK. Manakala bagi

tahun pengajian 2009, ianya masih dalam proses temuduga. Pada tahun 2008, Kementerian juga telah membiayai 120 pelajar Kolej RISDA melalui Tabung Bantuan Pendidikan Kementerian berjumlah RM 785,000.00. Mulai tahun ini, Saya difahamkan semua Anak Syarikat RISDA akan mengambil pelajar Kolej RISDA sebagai Anak Angkat dan membiayai yuran pengajian mereka dan seterusnya menyediakan latihan amali di Anak Syarikat.

Hasrat kerajaan untuk melahirkan para graduan yang cemerlang, gemilang dan terbilang bukan sekadar retorik kosong. Tetapi kebenarannya dibuktikan pada hari ini. Disini saya ingin

mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada seramai 303 orang graduan yang berjaya menamatkan kursus pengajian masing-masing dan akan menerima penganugerahan Diploma dan Sijil. Segala usaha dan kesungguhan yang diberikan untuk bergelar graduan terserlah pada hari yang bersejarah ini dan menjadi kejayaan peribadi serta kebanggan ibubapa terutama yang turut hadir pada hari ini.

Para graduan sekalian, kejayaan dalam persaingan memerlukan kekuatan dan kelebihan daya saing yang tinggi. Saya berharap dengan latihan dan tunjuk ajar dari para ilmuan, pensyarah Kolej

23

RISDA, para graduan akan lebih bersedia dan berkeyakinan untuk menghadapi saingan yang hebat di luar sana. Saya berkeyakinan penuh para graduan telah bersiap sedia memberikan persaingan dan khidmat bakti. InsyaAllah, saya percaya jika setiap hari tekad digilap dan diserap di dalam minda, jiwa dan sanubari, kita akan menemui kejayaan yang setimpal dengan keringat kita.

Akhirkata, saya pihak RISDA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas kesudian untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kolej RISDA ke 8 pada hari

24

ini. Juga kepada Dif-Dif Jemputan serta ibu bapa graduan, terima kasih atas kehadiran dan akhirnya kepada para graduan, Selamat Maju Jaya dan kami mendoakan kejayaan anda semua untuk mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.